

Interpretasi Audit Dalam Standard Pekebun Kecil Bebas

Latar Belakang

Pekebun Kecil Bebas (ISH) yang diperakui di bawah Standard ISH RSPO 2019 dikehendaki menjalankan audit dalaman tahunan untuk semua ahli kumpulan apabila mencapai *Milestone B*. (**ICS B1.1 MS B**: ICS telah dilaksanakan dan audit dalaman tahunan kumpulan tersebut telah dijalankan untuk semua ahli kumpulan dan semua penemuan audit telah diselesaikan.)


Saiz purata kumpulan ISH sedia ada yang diperakui ialah 247 (purata global). Kemampuan dan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan keperluan ini serta mengaudit semua ahli kumpulan pada setiap tahun merupakan suatu cabaran bagi kumpulan ISH yang lebih besar. Mengikut standard pensijilan kumpulan untuk kumpulan bersijil yang sedia ada sehingga tahun 2020, audit dalaman tersebut perlu dilakukan berdasarkan kaedah pensampelan. Ini mengakibatkan kira-kira 80% daripada kumpulan bersijil yang mempunyai lebih dari 100 ahli, akan mengalami kesukaran untuk mematuhi keperluan ini dan berisiko kehilangan sijil mereka. Oleh itu, interpretasi berikut dicadangkan dan telah disahkan oleh Lembaga Gabenor RSPO untuk keperluan **ICS B1.1 MS B**.

Interpretasi ICS B1.1 MS B

Pematuhan terhadap keperluan **ICS B1.1 MS B** hendaklah ditunjukkan dengan melengkapkan audit dalaman untuk semua ahli kumpulan sebelum:

1. Audit pengawasan tahunan **pertama** (iaitu ASA 1) untuk Kumpulan ISH **Baharu**.
2. Audit pengawasan tahunan **kedua** (iaitu ASA 2) untuk Kumpulan ISH **Sedia Ada** yang beralih daripada *Keperluan Sistem Pengurusan RSPO dan Panduan untuk Pensijilan Kumpulan bagi Pengeluaran FFB* kepada *Standard ISH RSPO*.

Secara efektifnya, interpretasi ini memberi tempoh masa selama **dua tahun** untuk memenuhi keperluan **ICS B1.1 MS B**. Sekurang-kurangnya 50% daripada Ahli Kumpulan ISH (Baharu dan Sedia Ada) akan diaudit pada tahun pertama.



Untuk pengawasan tahunan seterusnya bagi sijil kumpulan tersebut, pengurus kumpulan ISH hendaklah menjalankan **penilaian risiko*** ahli kumpulan. Semua ahli kumpulan yang **berisiko tinggi** dan **sederhana** serta semua **ahli baharu** yang ditambah di dalam kumpulan tersebut pada tahun berkenaan **hendaklah diaudit pada setiap tahun** tanpa mengira bilangan. Penilaian risiko untuk mengenal pasti ahli kumpulan berisiko '**tinggi**' dan '**sederhana**' ini hendaklah mempertimbangkan kepelbagaian serta risiko yang dirasakan berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh ahli kumpulan serta keputusan audit dalaman dan luaran tahun sebelumnya. Apabila jumlah ahli kumpulan berisiko tinggi dan sederhana serta ahli baharu adalah di bawah 33% daripada saiz kumpulan, ahli kumpulan berisiko rendah hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian daripada audit dalaman tahunan tersebut untuk mencapai sekurang-kurangnya 33% daripada ahli kumpulan yang diaudit secara dalaman.

**Penilaian risiko yang dijalankan hendaklah menurut dokumen seragam yang disediakan oleh RSPO.*